

# AS tiru Malaysia kawal mata wang

BH 7/5/08  
MIS 5

## Strategi kita kini dianggap pendekatan bijak

**K**UALA LUMPUR: Tindakan Amerika Syarikat mencontohi strategi kawalan mata wang dilaksanakan Malaysia pada 1998 dilihat mengiktiraf keberkesanan langkah itu walaupun pendekatan itu dikritik pentadbiran Amerika Syarikat 10 tahun lalu.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata strategi Malaysia itu kini dianggap pendekatan bijak dan negara itu kini memilih untuk melaksanakannya.

"Objektif dasar pertukaran mata wang negara bukanlah untuk menguruskan kadar pertukaran dengan mana-mana mata wang asing, termasuk dolar Amerika Syarikat.

"Sebaliknya, ia bertujuan mengekalkan kestabilan nilai ringgit berbanding sekumpulan mata wang asing rakan dagangan utama.

"Dalam konteks ini, sungguhpun ringgit sudah bertambah nilai berbanding dolar Amerika, nilai ringgit secara relatif adalah stabil berbanding mata wang rakan dagangan utama negara," katanya menjawab soalan Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang).

Umpamanya, kata beliau, sejak akhir 2007, nilai ringgit meningkat 4.7 peratus berbanding dolar Amerika tetapi Yuan China juga meningkat 4.4 peratus, dolar Singapura (6.2 per-

atus), dolar Taiwan (6.4 peratus), Yen Jepun (7.6 peratus) dan Euro pula meningkat 6.6 peratus.

Mengenai kesan perubahan nilai ringgit terhadap eksport dan import, Nor Mohamed berkata, kadar pertukaran asing bukan faktor penghalang dalam pencapaian prestasi eksport kerana ia lebih bergantung kepada permintaan luar.

Contohnya, pada 2007, penamba-

han nilai ringgit adalah 6.8 peratus tetapi eksport negara terus meningkat.

Namun, katanya, kadar pertukaran asing tidak dapat melindungi eksport negara daripada saingan negara lebih rendah kos pengeluarannya seperti China, India, Vietnam atau Eropah Timur.

Dari segi import, penambahan nilai ringgit berbanding dolar Amerika sebanyak 20.3 peratus sejak pamanusan tambatan ringgit pada 21 Julai 2005 sehingga April 2008, sedikit sebanyak mengurangkan kesan inflasi.

Bagaimanapun, peningkatan ketara harga komoditi berikutan perkembangan ekonomi sejagat menyaksikan harga semua komoditi meningkat 189 peratus, makanan meningkat 94 peratus dan tenaga meningkat 260 peratus dalam tempoh Disember 2002 hingga Mac 2008.

Justeru, kata Nor Mohamed, penambahan nilai ringgit tidak dapat mengurangkan kesan ketara kenaikan harga komoditi yang sebegitu besar tetapi dalam jangka panjang, pertukaran ringgit ditentukan asas ekonomi dan keadaan pasaran.

Katanya, kerajaan akan terus memastikan keadaan pasaran pertukaran asing kekal stabil dan terurus.

“*Sungguhpun ringgit sudah bertambah nilai berbanding dolar Amerika, nilai ringgit secara relatif adalah stabil berbanding mata wang rakan dagangan negara*”

**Nor Mohamed Yakcop**  
Menteri Kewangan Kedua